

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
KAWASAN : DAMANSARA
TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 25

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan kedudukan penstrukturan semula syarikat Lebuh Raya Utara Selatan, sama ada perjanjian penstrukturan telah dimuktamadkan. Apakah penemuan kajian terhadap lebuh raya-lebuh raya bertol yang diumumkan pada bulan Jun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bagi kajian yang diumumkan pada Jun 2020 tersebut telah diselaraskan melalui penyediaan Memorandum Jemaah Menteri Bersama Hala tuju Industri Lebuh raya Bertol di Malaysia di antara Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan dan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dijangka akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan pada pertengahan November ini. Kedudukan penstrukturkan semula Kumpulan PLUS Malaysia Berhad hanya akan dimuktamadkan tertakluk kepada keputusan syor MJM Bersama Hala tuju Industri Lebuh raya Bertol di Malaysia berkenaan.

Sekian, terima kasih.